

BAB 1 : MENGAPA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK?

Bangunan Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) boleh didapati di merata-rata lokasi pada masa ini. Selalu kita melihat ada lebih daripada tiga hingga lima buah taska di satu-satu taman perumahan. Lebih menakjubkan apabila kebanyakan dari taska-taska tersebut adalah daripada pengusaha yang sama. Kesemuanya kelihatan hidup dan beroperasi tahun demi tahun dengan makmur dan gagah.

Di kawasan-kawasan perumahan baru kelihatan pengusaha taska dan pekerjanya adalah antara penduduk yang paling awal berpindah masuk. Mereka sanggup menunggu lama walaupun jumlah penduduk tidak mampu membekalkan pelanggan yang cukup untuk manampung kos operasi mereka dalam enam bulan yang pertama. Adakah perniagaan ini bakal memberi pulangan yang begitu hebat dan menarik sehingga mereka sanggup bertahan? Apabila jumlah penduduk semakin meningkat, mereka lalu membuka cawangan-cawangan di dalam kawasan yang sama.

Sebenarnya permintaan untuk khidmat penjagaan kanak-kanak akan sentiasa wujud dan bertambah seiring dengan perkembangan dan pembangunan negara. Pembinaan kawasan-kawasan perumahan baru, pertambahan penduduk di kawasan sedia ada, kewujudan peluang-peluang pekerjaan, pembinaan jalan-jalan raya dan lebuh raya, peningkatan kualiti pengangkutan awam, peningkatan taraf hidup, kos sara hidup dan pola pemikiran, perkahwinan, perceraian, dan masalah pembantu rumah semuanya menyumbang kepada permintaan tinggi perkhidmatan asuhan.

Oleh kerana pembangunan negara memerlukan juga perkembangan perkhidmatan-perkhidmatan yang menyokong perkembangannya, khidmat asuhan kanak-kanak adalah industri yang paling asas. Penggerak-penggerak pembangunan negara terdiri kebanyakannya ibu-ibu dan bapa-bapa yang perlu merasa aman dan yakin anak-anak mereka dijaga oleh tangan-tangan yang mahir, terlatih dan dipercayai.

SIAPAKAH ANDA?

Mungkin anda seorang yang sedang mencari-cari formula untuk membebaskan diri dari terikat dan bergantung dengan orang lain? Atau mungkin anda adalah seorang suri-rumah yang mahu buktikan tangan anda bukan hanya cekap menghayun buaian malah boleh memandu satu perniagaan berjaya?

Mungkin juga anda telah menabung dengan harapan digunakan sebagai modal perniagaan kelak. Anda selalu di dalam dilema kerana tidak sabar meletakkan jawatan untuk mula bekerja sendiri, tetapi terlalu takut risiko. Kawan-kawan dan saudara mara banyak mengajak anda mencuba bermacam-macam perniagaan, tetapi tiada satupun yang memberi anda keyakinan. Ada terlalu banyak unsur-unsur ketidaktentuan yang hampir pasti melesapkan wang simpanan anda. Dari skim cepat kaya, ke jualan langsung ke MLM, semuanya telah anda dengar. Ada yang anda telah cuba, tetapi mungkin belum berjumpa yang sesuai dengan diri anda.

Anda mungkin juga merasakan tempat kerja sekarang bukan lagi tempat anda mendapat kepuasan menyumbang usaha, menimba pengalaman atau meningkatkan diri. Setiap pagi anda memaksa diri ke tempat kerja. Sebelah petangnya pula anda tidak sabar pulang ke rumah. Sampai di rumah pula anda terasa kosong kerana hari anda tiada kepuasan. Mungkin hanya televisyen mengisi kekosongan hidup dan memuaskan dahaga minda anda saban hari.

Siapa pun anda, bidang perniagaan adalah sesuatu yang patut anda cuba. Adapun perniagaan taman asuhan kanak-kanak adalah satu pilihan perniagaan yang mampu merealisasikan impian anda. Jika perniagaan ini yang anda pilih, buku ini akan cuba memberi keyakinan untuk anda meneruskan impian anda bermula daripada penubuhan hingga kepada cara-cara mencapai keuntungan lumayan. Ia ditulis berdasarkan ilmu dan pengalaman sebenar.